

**Dermaalalah orggan**

Yang sudah mendaftar perlu maklumkan  
ahli keluarga elak kontroversi

**demi sebuah kehidupan**

**S**IKAP prihatin dan suka membantu menjadi amalan rakyat Malaysia. Tanpa mengira warna kulit, agama, dan bangsa, sering kali bila ada yang memerlukan, rakyat Malaysia akan tampil menyumbangkan sesuatu.

Namun sikap ini hanya pada material saja tetapi kurang menjadi dalam isu pendermaan organ.

Di Malaysia isu pendermaan organ bukanlah perkara yang baru diperbincangkan. Bermula lewat 1999, atas dasar keperluan, satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan dikenali sebagai Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ.

Antara peranan utama jawatankuasa ini ialah merancang dan melaksana aktiviti promosi pendermaan organ, memberi penerangan kepada masyarakat awam mengenai kepentingan pender-

maan organ serta meningkatkan bilangan pendaftar pengikrar penderma organ.

Sehingga kini Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Lee Lam Thye yang juga seorang aktivis bebas.

Berbeza dengan beberapa negara lain seperti Australia, Sepanyol dan Singapura, Malaysia memberi fokus kepada pendermaan organ selepas meninggal dunia. Rakyat Malaysia perlu tampil untuk berdaftar sebagai pengikrar penderma organ sekiranya mempunyai niat untuk menderma organ selepas kematian.

Sebagai seorang rakyat Malaysia sama ada tua ataupun muda mereka sememangnya layak untuk berdaftar sebagai pengikrar penderma organ. Walaubagaimanapun bagi mereka yang berusia di bawah 18 tahun perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga ter-

lebih dulu sekiranya mahu berdaftar sebagai pengikrar penderma organ.

Bagi yang sudah mendaftar pula, perlu

memaklumkan niat mereka kepada ahli keluarga agar tidak menimbulkan sebarang kontroversi apabila tiba waktunya.


Kepada mereka yang ingin atau mendaftarkan sebagai pengikrar penderma organ, antara organ yang boleh didermakan selepas meninggal dunia ialah hati, jantung, buah pinggang manakala tisu badan terdiri daripada paru-paru, kornea (mata), injap jantung, tulang dan kulit.

Bagaimanapun, hanya mereka yang mengalami mati otak saja yang boleh menderma semua organ dan tisu manakala bagi mereka yang meninggal secara biasa (jantung berhenti berdegup) hanya boleh menderma tisu.

Walaupun pelbagai usaha diadakan bagi menggalakkan rakyat menderma organ, namun sehingga 2008 Malaysia hanya mencatatkan bilangan pengikrar seramai 122,301 orang iaitu peningkatan sebanyak 9,404 dari tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu hanya 26 penderma selepas meninggal dunia benar-benar menderma organ mereka. Antaranya 14 kes membabitkan pendermaan semua organ dan tisu badan. Demografi penderma terdiri daripada Cina (17), India (6) dan lain-lain (3). Data itu nyata menunjukkan kebimbangan. Ini kerana dianggarkan terdapat 2,600 pesakit baru yang mengalami kegagalan buah pinggang setiap tahun.

Buat masa ini lebih dari 18,000 pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis. Siapa yang



Penyerahan kad pendaftaran penderma organ nasional di HKL. Dari kiri, YK Fong, Tan Teng Seng, Ng Chim Teck, Anthony Ang.

harus kita persalahkan? Masyarakat atau pihak berwajib? Bagi Kementerian Kesihatan usaha mempromosi pendermaan organ kerap dijalankan. Aktiviti seperti Kempen Media menerusi televisyen, radio dan akhbar benar-benar menyerlahkan kesungguhan Kementerian Kesihatan dalam menarik orang ramai untuk tampil sebagai penderma.

Tidak cukup di situ Kementerian Kesihatan turut menerbitkan dan mengedarkan kit promosi pendermaan organ serta risalah mengenai pendermaan organ dalam pelbagai bahasa bagi mewakili masyarakat utama Malaysia.

Andai ada yang menyatakan agama adalah penghalang,

sudah tentu mereka silap ini kerana agama bukan lagi penghalang. Di Malaysia sehingga kini semua agama membenarkan pendermaan organ selepas kematian dilakukan. Bagi mereka yang beragama Islam, Majlis Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan bahawa pendermaan organ selepas meninggal dunia adalah diharamkan. Jadi orang Islam tidak perlu lagi was-was mengenai perkara ini.

Mungkin masih belum terlambat. Kepada mereka yang mempunyai niat untuk berdaftar sebagai pengikrar penderma organ anda boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-88-9080 atau menghubungi Pusat Sumber Transplan Nasional

menerusi talian 03-2694 2704/2705 atau layari [www.agiftolife.gov.my](http://www.agiftolife.gov.my).

## > Fakta

### Derma organ

Organ yang boleh didermakan

- Hati
- Jantung
- Buah pinggang
- Tisu badan terdiri daripada paru-paru, kornea (mata), injap jantung, tulang dan kulit.

Datin Seri Jeanne Abdullah menunjukkan kad pendaftaran derma organ pada Perhimpunan Agung Umno 2007.

